



CAESAR[®] 155MM SPH

ALL-IN-ONE ARTILLERY SYSTEM



Ibu Pejabat:

Suite 8-6, Level 8, Wisma UOA Damansara II,
No. 6, Changkat Semantan, Damansara Heights,
50490 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2711 5868
Fax: 03-2711 5561

Kompleks Kilang Pemasangan:

Lot 309, Jalan Bypass, Mukim Jementah,
PULAPOL, 85100, Segamat, Johor.

Laman Web:

www.adssb.com.my

JANUARI/FEBRUARI 2022

PERAJURIT

Penjana Pemikiran Pertahanan

CAESAR[®]

SISTEM 155MM SPH TERBUKTI DALAM
PERTEMPURAN UNTUK TENTERA DARAT



**Keutamaan Memenuhi Keperluan
Angkatan Tentera Malaysia**



BACK COVER

FRONT COVER



ARTIKEL MENARIK

SYARIKAT ADVANCED DEFENCE SYSTEMS SDN BHD
DALAM USAHA UNTUK MEMPERKASAKAN
SISTEM ARTILERI NEGARA



CAESAR® 155MM SPH SISTEM ARTILERI BERTEKNOLOGI MODEN



PERLAKSANAAN KURSUS SENGGARAAN DAN JOINT INSPECTION
MERIAM 105MM L5 PACK HOWITZER

INSIDE FRONT COVER



MERIAM 105MM L5 PACK HOWITZER DISELENGGARA OLEH
SYARIKAT ADVANCED DEFENCE SYSTEMS SDN BHD



INSIDE BACK COVER

SYARIKAT ADVANCED DEFENCE SYSTEMS SDN BHD DALAM USAHA UNTUK MEMPERKASAKAN SISTEM ARTILERI NEGARA

CAESAR® 155MM SELF-PROPELLED HOWITZER (SPH) SISTEM ARTILERI BERTEKNOLOGI MODEN

Sesebuah kerajaan bertanggungjawab untuk memastikan kedaulatan dan keselamatan negara sentiasa dilindungi dan terus dipelihara. Keselamatan negara merujuk kepada suatu situasi bebas daripada sebarang ancaman sama ada ianya ancaman dari dalam atau luar negara. Ancaman keselamatan negara sejak tahun 1957 seperti ancaman militan dan pengganas serta ancaman global yang pelbagai bentuk memerlukan perancangan rapi dalam kesiapsiagaan kepada sistem pertahanan yang kukuh dan komprehensif.

Bagi mengukuhkan lagi sistem pertahanan negara dan keselamatan negara, keperluan memiliki aset ketenteraan yang dilengkapi dengan sistem persenjataan yang moden merupakan satu kelebihan kepada sesebuah negara. Ini boleh menyumbang kepada usaha yang strategik dalam memperkasakan sistem artileri ketenteraan negara. Oleh itu, aset pertahanan dan keselamatan yang maju dan berteknologi tinggi diperlukan bagi perkukuhkan sistem pertahanan negara. Bukan itu sahaja, malah hal ini sesuai



CAESAR® 155MM SPH menjalani ujian nilai mobiliti.

dengan Teras Kesiagaan dan Keupayaan dalam Hala Tuju MINDEF yang telah diumumkan oleh Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein pada Januari yang lalu.

Syarikat Advanced Defence Systems Sdn Bhd (ADSSB) dengan kerjasama Nexter Systems dari Perancis yakin sistem CAESAR® 155mm Self-Propelled Howitzer (SPH) mampu memperkasakan lagi sistem

artileri sedia ada negara terutamanya kepada Tentera Darat Malaysia (TDM). Kemampuan yang terdapat pada sistem CAESAR® 155mm SPH memang tidak dapat disangkal terutamanya selepas pelaksanaan Uji Nilai CAESAR® yang telah dilaksanakan secara tanpa kos dan obligasi pada tahun 2019 yang dilaksanakan oleh Tim Uji Nilai, Tentera Darat Malaysia.



CAESAR® bersama Tim Uji Nilai Tentera Darat di Malaysia.



CAESAR® sedang beroperasi dengan sistem digital dan fungsi automatik.

CAESAR® 155mm SPH selain daripada digunakan dan diaturgerak di negara pengeluar iaitu Perancis, ia juga sedang dan akan digunakan oleh negara lain seperti Arab Saudi, Thailand, Lubnan, Indonesia dan Morocco. Dengan kemampuan dan keupayaan teknikal yang ada pada CAESAR®, semestinya mampu meningkatkan lagi kuasa tembakan Tentera Darat Malaysia dalam memperkukuhkan lagi benteng pertahanan negara.

Antara kemampuan dan keupayaan yang terdapat pada sistem ini adalah sistem CAESAR® 155mm SPH memiliki mobiliti strategik di mana sistem ini merupakan satu-satunya iaitu sistem *Self-Propelled Howitzer* (SPH) boleh diangkut oleh pesawat Hercules C-130 dan A-400M. Hal ini membolehkan kesiapsediaan CAESAR® untuk bertempur dengan segera dari Semenanjung Malaysia ke Sabah/Sarawak atau sebaliknya. Selain itu, sistem SPH CAESAR® merupakan sistem SPH paling ringan di dunia, yang membolehkannya bergerak melalui pelbagai jenis permukaan jalan seperti tanah merah, jalan berpasir dan jalan tidak rata yang terdapat di Malaysia. Dengan memiliki berat 17 tan, CAESAR® juga boleh



CAESAR® diangkut oleh pesawat Hercules C-130.

merentasi jambatan terutamanya jambatan di Sabah dan Sarawak yang kebanyakannya tidak menyokong kenderaan berat.

Sistem Meriam 155mm SPH CAESAR® juga berupaya untuk masuk tindak di bawah 60 saat, dan masa keluar tindak 45 saat dengan menggunakan peluru *Base Bleed Extended Range Full Bore* (ERFB) jarak lebih dari 40km dan peluru roket untuk jarak maksimum lebih dari 55km. Ini bermaksud, kepantasan masuk tindak dan keluar tindak yang pantas membolehkan bantuan tembakan diberikan dengan cepat bersesuaian dengan keperluan operasi TD terutama ketika artileri ditugaskan memberi bantuan tembakan kepada semua

jenis unit tempur, sama ada jenis unit bermotor, mekanize atau berperisai.

Bagi syarikat ADSSB, perolehan CAESAR® ini membolehkan pihak TD mampu memperkasakan lagi sistem artileri dengan kecanggihan sistem yang terdapat pada 155mm SPH CAESAR® ini. Hal ini demikian kerana sistemnya yang digital dan fungsi automatik sepenuhnya yang membolehkan CAESAR® beraksi, melancarkan 6 pusingan dan keluar dari aksi dalam masa kurang daripada 2 minit dan 30 saat. Ia bergerak dengan pantas dan lancar dari satu posisi menembak ke posisi lain (*shoot and scoot*), menyukarkan pihak musuh untuk mengesan dan melaksanakan tembakan balas bateri.



Sesi Teori Bersama Tenaga Pengajar berpengalaman ADSSB.



Sesi kursus senggaraan dan Joint Inspection 105MM L5 PH.

KEJAYAAN PELAKSANAAN KURSUS SENGGARAAN DAN JOINT INSPECTION MERIAM 105MM L5 PACK HOWITZER OLEH SYARIKAT ADVANCED DEFENCE SYSTEMS SDN BHD (ADSSB) BERSAMA TENTERA DARAT DI SELURUH MALAYSIA

Syarikat Advanced Defence Systems Sdn Bhd (ADSSB) telah dianugerahi kontrak bagi pembekalan alat ganti bagi Meriam 105mm L5 Pack Howitzer (PH) yang telah dimeterai sejak 27 Julai 2021 yang lalu. Bagi memastikan pelaksanaan senggaraan yang baik dalam pasukan, kontrak tersebut telah menetapkan keperluan syarikat untuk menganjurkan Kursus Senggaraan Meriam 105mm L5 PH serta *Joint Inspection* yang melibatkan krew Meriam dan Detasmen Bantuan Kecil (DBK) di setiap pasukan artileri Tentera Darat Malaysia.

Tujuan utama pelaksanaan program ini adalah untuk melatih anggota disamping mengenalpasti keperluan

sebenar alat ganti serta sebagai *refreshment course* kepada pengguna dan anggota Kor Jurutera Letrik dan Jentera DiRaja (JLJ) di pasukan terutamanya bagi menggunakan alat perenggu serta alat perenggu khas yang sesuai bagi tujuan pemeriksaan,



Semasa pelaksanaan kursus di 41 BATERI, Kem Sungai Buloh.

penyenggaraan dan pembaikan meriam-meriam. Dengan adanya kursus ini juga, rancangan perolehan bagi tahun 2022 dapat dilaksanakan dengan lebih komprehensif.

Silibus program yang terlibat dalam kursus ini adalah *safety rules*, *preventive maintenance* dan *corrective maintenance* serta *Joint Inspection*. *Joint Inspection* melibatkan pemeriksaan fizikal dan menentukan penyelenggaraan yang perlu dilakukan dan menentukan alat ganti yang diperlukan bagi Meriam 105mm L5 PH tersebut. Tenaga pengajar pula adalah daripada kakitangan berpengalaman syarikat ADSSB yang juga merupakan veteran Tentera Darat Malaysia yang berpengalaman dengan penyelenggaraan serta pembaikan sistem meriam ini. Bagi menyempurnakan program ini, aktiviti telah dipecahkan kepada dua sesi. Sesi pertama adalah sesi teori manakala sesi kedua adalah melibatkan aktiviti pemeriksaan bersama (*joint inspection*).

Ketika aktiviti *joint inspection* dijalankan, pihak syarikat ADSSB bersama krew Meriam dan anggota DBK telah membuka komponen-komponen meriam, membersihkan gris lama, membuat pemeriksaan terhadap komponen yang telah dibersihkan serta membuat tentukuran terhadap beberapa komponen yang tertentu bagi mengenalpasti komponen tersebut masih berada di dalam toleransi yang dibenarkan atau tidak. Sebelum komponen-komponen tersebut dipasang semula, kesemua komponen tersebut telah digriskan dengan menggunakan gris yang dibekalkan oleh syarikat secara percuma.



Sesi membuka komponen meriam 105mm L5 PH.



Semasa pemasangan semula komponen meriam 105mm L5 PH.

Kursus ini telah dilaksanakan bermula pada bulan Oktober sehingga Disember 2021 dan telah melibatkan sebanyak 10 unit pasukan artileri termasuk pasukan di Sabah dan Sarawak. Pasukan yang terlibat adalah Rejimen Ketiga Artileri DiRaja (3RAD) di Taiping, 41 Bateri RAD Istiadat di Kem Sungai Buloh, Rejimen Kelima Artileri DiRaja (5RAD) di Kota Bharu, Pusat Latihan Artileri (PUSARTI) di Gemas, Rejimen Kedua Artileri DiRaja (2RAD) di Kluang, Rejimen Pertama Artileri DiRaja (1RAD PARA) di Kem Terendak, Rejimen Keempat Artileri DiRaja (4RAD) di Segamat, Rejimen Kelapan Artileri DiRaja (8RAD) di Sarawak, dan akhir sekali di Rejimen Keenam Artileri DiRaja (6RAD) di Sabah.

Hasil dari pelaksanaan kursus senggaraan dan *joint inspection*, sebanyak 127 laras Meriam 105mm L5 Pack Howitzer telah berjaya diperiksa bersama pengguna iaitu Tentera Darat Malaysia dalam hanya 3 bulan sahaja. Hal ini terbukti bahawa syarikat ADSSB berkomitmen tinggi dalam berkhidmat untuk Tentera Darat Malaysia disamping mengekalkan hubungan yang baik. Dengan adanya hubungan yang baik bersama Tentera Darat Malaysia, pihak syarikat berbesar hati untuk terus bekerjasama dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) pada masa akan datang dengan satu tujuan utama, iaitu demi pertahanan tanah air. 🇲🇾



Komponen-komponen meriam 105mm L5 PH dileraikan bagi tujuan joint inspection.